

BAB SATU

PENGENALAN

1.0 PENDAHULUAN:

Bab ini mengandungi perkara-perkara asas yang perlu ada dalam setiap kajian yang dijalankan iaitu, latar belakang, masalah kajian, objektif kajian, soalan kajian, kepentingan kajian dan batasan kajian.

1.1 Latar Belakang Kajian:

Menurut pendapat para sarjana tempatan, kemunculan pengaruh bahasa Arab di nusantara ini khususnya di Malaysia adalah sinonim dengan kedatangan Islam ke Kepulauan Melayu menerusi aktiviti perdagangan oleh para pedagang dari Asia Barat. Di Tanah Melayu, penemuan batu bersurat yang bertarikh 1386 masihi di Kuala Berang, Terengganu menjadi bukti bahawa pengaruh Islam telah wujud di rantau ini sejak dulu lagi. Peranan besar yang dimainkan oleh para pemerintah serta sultan di Tanah Melayu dalam bidang pendidikan dan perkembangan ajaran Islam secara tidak langsung telah menyebarkan pengaruh bahasa Arab seperti pengajian kitab-kitab dari

bahasa Arab serta pengenalan sistem tulisan jawi bagi menggantikan tulisan Jawa Kuno dan tulisan Palava.

Pembelajaran bahasa Arab dalam konteks pengajian ilmu bahasa Arab turut dimuatkan dalam silibus pembelajaran secara tidak formal pada era pengajian sekolah pondok di nusantara ini. Walaubagaimanapun, ianya bertujuan untuk menguasai ilmu agama Islam dari kitab-kitab dalam bahasa Arab serta mendalami konsep beribadah yang mempunyai kaitan rapat dengan penguasaan bahasa Arab. Pembelajaran bahasa Arab dalam konsep pengajian pondok ini, lebih tertumpu kepada pembelajaran tatabahasa Arab daripada kitab-kitab nahu dan sorf serta kaedah terjemahan kitab-kitab agama dalam bahasa Arab bagi memahami sumber hukum dan pelbagai pengetahuan tentang amalan beragama, sepertimana dipetik dari Hj. Yahaya M.(2011,p.188)

Pendekatan yang digunakan melalui sistem ini dapat menerapkan penguasaan yang baik di kalangan pelajar dalam kemahiran tatabahasa Arab namun ianya kurang menitikberatkan kemahiran berkomunikasi dalam bahasa Arab. Ada di kalangan sekolah pondok yang berkembang menjadi sekolah agama rakyat dan juga mendapat bantuan daripada kerajaan negeri serta kerajaan persekutuan. Dengan melihat kepentingan pembelajaran bahasa Arab yang lebih sistematik dan dinamik, pihak kerajaan telah mengambil langkah yang lebih progresif dengan membuka peluang pengajian bahasa Arab dengan cara yang lebih intensif di peringkat sekolah menengah dan institut pengajian tinggi. Natiyahnya, kursus pengajian bahasa Arab ditawarkan di pelbagai institut pengajian tinggi dan universiti tempatan.

Sumber yang dipetik dari laman web Bahagian Pendidikan Islam Kementerian Pelajaran Malaysia pada 15 Mei 2012 menyatakan bahawa silibus pembelajaran bahasa Arab yang lebih tersusun di peringkat sekolah menengah diperkenalkan di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) yang ditubuhkan pada tahun 1977 dengan mengambilalih sekolah-sekolah menengah agama rakyat kurang mendapat sambutan kerana sistem pengurusan yang tidak teratur dan kurang prasarana. Penubuhan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama adalah konsep yang diilhamkan oleh Allahyarham Tuan Haji Nik Mohammad Mohyideen bin Haji Wan Musa iaitu Pengarah Bahagian Agama Kementerian Pelajaran ketika itu. Penubuhannya bermula dengan rundingan pihak Kementerian Pelajaran Malaysia dengan kerajaan-kerajaan negeri di Semenanjung Malaysia agar sistem pentadbiran dan kurikulum di sekolah-sekolah agama diselaraskan dengan sekolah menengah harian. Hasilnya pihak Kementerian Pelajaran Malaysia telah mengambilalih sebelas buah sekolah menengah agama negeri dan rakyat sebagai Sekolah Menengah Kebangsaan Agama. Selain itu, Pembelajaran bahasa Arab di peringkat menengah turut dikembangkan ke Sekolah Berasrama Penuh, Kelas Aliran Agama bagi sekolah menengah harian dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) yang diambilalih oleh pihak kementerian Pelajaran Malaysia daripada sekolah agama kerajaan negeri atau sekolah agama rakyat.

Mata pelajaran bahasa Arab diperkenalkan di sekolah menengah sebagai mata pelajaran elektif bagi membuka peluang kepada pelajar untuk mempelajarinya. Ini adalah bagi memenuhi hasrat yang digarapkan dalam matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan serta Falsafah Pendidikan Islam ke arah melahirkan insan yang seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek serta mempunyai perilaku akhlak yang mulia. Ia juga selaras dengan perkembangan bahasa Arab yang dianggap sebagai salah

satu bahasa antarabangsa yang terkemuka pada masa kini dan digunakan dalam pelbagai medium komunikasi, perdagangan, pelancongan, teknologi dan sebagainya. Kementerian Pelajaran Malaysia melalui Huraian Sukatan Pelajaran baru bagi mata pelajaran bahasa Arab sekolah menengah yang dikeluarkan pada tahun 2006 turut menyebut di dalam objektif umum bahawa proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di peringkat menengah adalah bagi membolehkan pelajar menguasai kemahiran asas bahasa iaitu membaca, mendengar, bertutur dan menulis. Salah satu cara untuk mencapai kemahiran ini adalah dengan menambah pemahaman pelajar terhadap ilmu nahu(sintaksis) dan sorf(morfologi). Manakala objektif khusus bagi huraian sukatan pelajaran ini pula adalah mensasarkan pelajar dapat menguasai pengetahuan asas ilmu tatabahasa Arab serta mampu mengaplikasikannya dalam membina struktur ayat yang betul secara praktikal.

Pada bahagian Kandungan Ilmu Bahasa Arab, Huraian sukatan pelajaran menjelaskan bahawa pelajar mampu membina ayat dengan baik dengan menguasai tajuk-tajuk ilmu nahu yang telah ditetapkan dalam silibus di peringkat menengah. Hal ini juga menjadi objektif pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di peringkat menengah.

Secara khususnya, tajuk kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l adalah termasuk dalam silibus pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran bahasa Arab tingkatan tiga. Namun, pada masa yang sama ianya turut diajar pada tajuk tatabahasa Arab yang berkaitan dengannya seperti Pelaku Ganti(نَائِبُ الْفَاعِلِ) yang termasuk dalam sukatan pembelajaran di peringkat menengah.

1.2 Penyata Masalah:

“Masalah kajian merupakan isu yang timbul, yang menarik perhatian atau penggerak serta dorongan untuk melakukan kajian ke atasnya. Masalah kajian amat penting kerana ia merupakan faktor pertimbangan utama sama ada kajian akan atau perlu dilakukan atau tidak” Piaw,C.Y(2006,p.11)

Memetik cadangan yang diutarakan oleh Ngah@Salim.F (2003.p175) dalam tesisnya berkenaan penggunaan ragam pasif bahasa Arab:

“Sepanjang pengalaman penulis selaku pelajar dan guru bahasa Arab secara sambilan, penulis dapati bahawa pelajar-pelajar yang mempelajari bahasa ini sebagai bahasa kedua kurang mendapat maklumat yang tepat dan terperinci mengenai ragam pasif. Ini menyebabkan mereka kurang mahir menggunakan kata kerja pasif dan kata nama pasif dalam konteks susunan ayat dan makna yang betul dan tepat”.

Berdasarkan pernyataan di atas dan dari respon temubual bersemuka yang ringkas antara penyelidik dengan beberapa orang pelajar yang sama kriteria dengan kumpulan responden kajian ini, berkenaan dengan aspek penguasaan kemahiran penggunaan kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l dalam kalangan pelajar sekolah menengah, penyelidik mendapati kebanyakan pelajar menghadapi kekeliruan dan kerap melakukan kesilapan dalam menggunakan kata kerja ini semasa membina ayat atau menulis karangan dalam bahasa Arab. Selain itu, daripada semakan skrip jawapan pelajar pada bahagian kemahiran nahu bahasa Arab, membina ayat serta menulis karangan bahasa Arab

dalam ujian bahasa Arab peringkat sekolah, penyelidik mendapati banyak kesalahan penggunaan kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l yang dilakukan oleh pelajar. Daripada seramai 20 skrip jawapan bagi soalan bahagian sorf iaitu membentuk kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l yang mengandungi empat soalan, terdapat 34 kesalahan yang dikesan. Fenomena ini membuktikan bahawa pelajar masih keliru serta tidak dapat menguasai sepenuhnya kemahiran ini walaupun mereka telah mempelajari asas-asas kemahiran nahu bahasa Arab melalui silibus mata pelajaran bahasa Arab di peringkat menengah.

Kesilapan seperti ini mempengaruhi jumlah markah yang diperolehi oleh pelajar dalam peperiksaan atau ujian pada bahagian yang memerlukan kemahiran pelajar dalam menguasai tajuk tatabahasa ini serta membina ayat atau menulis karangan. Berdasarkan kaedah yang digunapakai di dalam pentaksiran mengikut format pentaksiran bagi mata pelajaran bahasa Arab pada bahagian penulisan samada Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), kesilapan pada aspek tatabahasa dan ejaan perkataan yang berulang kali akan menjejaskan jumlah markah yang akan diperolehi oleh pelajar tersebut. Tambahan pula, format baru pentaksiran bagi mata pelajaran bahasa Arab di peringkat menengah yang baru diperkenalkan pada tahun 2010 bagi Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan pada tahun 2012 bagi Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) memerlukan pelajar mahir menguasai asas ilmu tatabahasa Arab dalam membina struktur ayat yang sahih dan menepati gaya bahasa Arab yang sebenar.

Oleh sebab itu, pelajar sewajarnya memahami kaedah penggunaan kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l mengikut sistem ilmu tatabahasa Arab samada nahu atau sorf serta *uslub* bahasa Arab yang betul. Pengetahuan yang mendalam berkenaan tajuk ini membantu pelajar membina ayat dan menulis karangan dalam bahasa Arab dengan baik serta menepati maksud yang ingin disampaikan. Pelajar juga perlu memahami dan menguasai tajuk-tajuk tatabahasa dan nahu bahasa Arab yang diajar di peringkat menengah mengikut silibus yang telah ditetapkan oleh pihak kementerian. Pada masa yang sama, pelajar perlu bijak menghubungkan di antara peraturan penggunaan kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l merentasi pelbagai tajuk nahu bahasa Arab serta mengaplikasikannya dalam membina struktur ayat atau menulis karangan dengan kaedah yang sah.

Selain itu, sebagai seorang muslim khususnya, kemahiran dalam menguasai cabang ilmu tatabahasa Arab ini amat berguna dalam memahami serta menghayati maksud ayat-ayat al-Quran serta hadis Rasulullah S.A.W yang sarat dengan keindahan gaya bahasa dan semantik yang tersirat di sebalik aturan tatabahasa serta *uslub balaghah* yang digunakan, termasuklah penggunaan kata kerja dalam bentuk al-Mabniyy Li al-Majhu:l atau juga dikenali sebagai ‘ragam pasif’ .

1.3 Objektif Kajian:

- 1) Mengenalpasti pengetahuan pelajar terhadap konsep asas pembentukkan kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l serta penggunaannya dalam membina struktur ayat bahasa Arab.
- 2) Menganalisis tahap penguasaan pelajar dalam membina kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l dalam pelbagai variasi kata kerja mengikut kaedah sorf (morfologi) bahasa Arab.
- 3) Mengenalpasti bentuk kekeliruan serta kesalahan yang kerap dilakukan oleh pelajar dalam membina kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l serta penggunaannya dalam membina ayat serta menulis karangan.
- 4) Mengetahui punca permasalahan pelajar dalam menguasai tajuk ini.

1.4 Soalan Kajian:

- 1) Sejauhmanakah pengetahuan pelajar tentang konsep asas pembentukkan kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l serta penggunaannya dalam penulisan ayat bahasa Arab.

- 2) Sejauhmanakah tahap penguasaan pelajar terhadap kemahiran membina kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l dalam pelbagai variasi kata kerja mengikut kaedah sorf ?
- 3) Apakah bentuk kekeliruan serta kesalahan yang sering dilakukan oleh pelajar dalam kemahiran menggunakan kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l dalam menulis ayat dan karangan?
- 4) Apakah punca yang menyebabkan pelajar sering menghadapi masalah dalam menguasai kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l ini?

1.5 Kepentingan Kajian:

Dapatan kajian ini amat penting kerana ia akan menunjukkan sejauhmana kemampuan pelajar dalam mengetahui serta menguasai kemahiran membina kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l serta menggunakannya dalam penulisan ayat dan karangan bahasa Arab dengan cara yang betul di samping dapat mengenalpasti kesalahan-kesalahan yang kerap kali dilakukan oleh mereka semasa membina ayat serta menulis karangan. Kajian ini juga adalah penting kepada pihak-pihak yang berkenaan:

1.5.1 Pelajar:

Pelajar dapat mengenalpasti bentuk kesalahan yang sering dilakukan dalam penggunaan kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l semasa menulis ayat atau karangan dalam bahasa Arab. Dari itu, pelajar perlu mempelajari kaedah yang sah dan terperinci dalam penggunaan kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l ini di dalam penulisan serta membuat perbincangan yang mendalam berkenaan tajuk ini dengan guru.

1.5.2 Guru Bahasa Arab:

Penyelidik juga sebagai seorang tenaga pengajar bagi mata pelajaran bahasa Arab di sekolah menengah mendapati bahawa terdapat banyak kesalahan dan kekeliruan di kalangan pelajar dalam menggunakan kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l semasa menulis ayat atau karangan. Oleh itu, dapatan dari kajian ini dapat memberikan maklumat berkenaan dengan aspek permasalahan yang sering dihadapi oleh pelajar dalam menggunakan kata kerja seperti ini. Ianya adalah input yang penting dan amat membantu guru-guru bahasa Arab dalam merancang bentuk serta kaedah pengajaran yang lebih berkesan bagi meningkatkan pengetahuan serta kemahiran pelajar dalam menguasai tajuk ini.

1.5.3 Kementerian Pelajaran Malaysia:

Bagi pihak kementerian, dapatan kajian ini boleh digunakan sebagai panduan bagi membina huraian sukatan pelajaran bagi mata pelajaran bahasa Arab di peringkat menengah dengan menggariskan ruang perbincangan yang lebih mendalam bagi meningkatkan pengetahuan pelajar terhadap kemahiran penggunaan kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l di dalam menulis ayat atau karangan. Selain itu, pihak kementerian juga boleh menambahbaik kandungan buku teks bahasa Arab di peringkat menengah atas dengan mewujudkan segmen perbincangan yang menyeluruh tentang tajuk ini serta soalan-soalan latihan berkenaan dengannya. Ini adalah kerana kemahiran pelajar berkenaan dengan tajuk ini akan diambilkira dalam penulisan mereka tentang ayat atau karangan bahasa Arab. Seterusnya, ia mempengaruhi markah yang akan diperolehi oleh pelajar dalam pentaksiran yang dijalankan.

Selain itu, hasil kajian ini juga dapat menjadi rujukan kepada penyelidikan dalam bidang yang berkaitan dengannya pada masa akan datang.

1.6 Batasan Kajian:

Kajian ini membincangkan tentang pengetahuan pelajar di peringkat sekolah menengah terhadap kemahiran membina kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l dalam variasi kepelbagaian jenis kata kerja berdasarkan sukatan mata pelajaran bahasa Arab yang digunapakai di peringkat menengah di Malaysia pada masa kini. Kajian juga mengenalpasti tahap penguasaan mereka menggunakan kemahiran ini dalam membina

struktur ayat dalam bahasa Arab selaras dengan bentuk item yang digunakan dalam sistem pentaksiran. Selain itu, kajian ini turut meninjau bentuk kesalahan yang sering dilakukan oleh pelajar dalam membentuk kata kerja ini dan menggunakannya di dalam penulisan bahasa Arab.

Bagi tujuan itu, penyelidik memilih untuk menjalankan kajian ini di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kerian, Perak kerana ia menepati kriteria bagi mencapai objektif yang digariskan dalam kajian ini. Penyelidik membataskan kajian ini kepada sekumpulan pelajar tingkatan empat iaitu seramai 50 orang mengikut kesediaan mereka dengan bentuk instrumen kajian yang hendak dijalankan serta kesesuaian peluang yang ada sebagai responden dalam kajian ini. Pemilihan sampel ini menggunakan prosedur persempelan rawak berlapis berdasarkan kepelbagaian tahap penguasaan mereka dalam mata pelajaran bahasa Arab yang mewakili setiap kelas tingkatan empat. Kumpulan pelajar tingkatan empat ini digunakan sebagai sampel kajian kerana mereka telah mempelajari tajuk kata kerja *al-Mabniyy Li al-Majhu:l* dalam silibus mata pelajaran bahasa Arab di peringkat menengah khususnya di tingkatan tiga serta tajuk-tajuk dalam bidang tatabahasa Arab yang berkaitan dengan tajuk kajian ini berdasarkan sukatan pelajaran yang ditetapkan di peringkat menengah. Mereka juga telah didedahkan dengan format pentaksiran yang melibatkan kemahiran menulis dalam bahasa Arab samaada dalam kemahiran tatabahasa, membina ayat atau karangan mengikut format pentaksiran mata pelajaran bahasa Arab bagi peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil pelajaran Malaysia (SPM).

Konteks kajian adalah tertumpu kepada penguasaan responden terhadap kata kerja *al-Mabniyy Li al-Majhu:l* iaitu perbincangan yang berkenaan dengan kata kerja sahaja

dan ia tidak melibatkan skop perbincangan yang lain tentang al-Mabniyy Li al-Majhu:l seperti kata nama atau kata nama nisbah dan sebagainya.

Kajian ini juga tertakluk kepada penguasaan pelajar terhadap kemahiran membina serta menggunakan kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l mengikut silibus yang ditetapkan oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia bagi mata pelajaran bahasa Arab yang digunapakai dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) di peringkat menengah iaitu dari tingkatan satu sehingga tingkatan empat. Kajian ini dijalankan dalam bentuk kemahiran menulis sahaja, manakala aspek yang lain seperti kemahiran membaca, mendengar dan bertutur tidak diambil kira.

Penyelidik menggunakan dua bentuk instrumen kajian iaitu borang soal selidik dan set ujian bertulis bagi mengumpul data serta mendapatkan respon daripada responden. Borang soal selidik diberikan kepada 50 orang responden bagi mendapatkan respon berkenaan dengan penguasaan konsep asas pembentukkan kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l dan penggunaannya dalam penulisan serta respon terbuka berkenaan dengan pengetahuan terhadap tajuk kajian dan permasalahan dalam menguasai kemahiran ini. Manakala instrumen set ujian bertulis diuji kepada 25 orang responden yang bersedia untuk memberi respon dalam kajian ini. Data kuantitatif yang diperolehi daripada semakan skrip jawapan dalam ujian bertulis yang dijalankan ini akan dianalisis bagi menjelaskan tahap penguasaan pelajar serta permasalahan yang mereka hadapi dalam memahami tajuk ini.

1.7 Ringkasan Metodologi Kajian

Bagi mencapai sasaran objektif yang ditetapkan dalam kajian ini, penyelidik memilih untuk menjalankan kaedah kajian lapangan di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kerian, iaitu salah sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) yang terkenal di negeri Perak. Dalam menjalankan kajian ini, penyelidik mengikuti peraturan serta syarat yang ditetapkan oleh pihak Kementerian pelajaran Malaysia dalam surat kebenaran, dan telah memilih responden kajian ini dari kalangan pelajar tingkatan empat kerana mereka telah mempelajari tajuk kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l.

Pemilihan responden dalam kajian ini menggunakan kaedah persempelan rawak berlapis dan mereka diberi penerangan yang jelas tentang pelaksanaan kajian ini. S Segala prosedur serta etika kajian adalah amat dititikberatkan. Penyelidik terlebih dahulu menjalankan kajian rintis yang melibatkan 10 orang dari kalangan kelompok yang responden yang dipilih bagi tujuan mengenalpasti kelemahan serta penambahbaikan instrumen kajian dengan mengambilkira pandangan penyelia kajian ini agar ia relevan dengan objektif yang disasarkan.

Penyelidik menggunakan dua bentuk instrumen bagi mendapatkan data samaada data kuantitatif atau kualitatif bagi merumuskan dapatan kajian dalam konteks selaras dengan objektif kajian yang digariskan. Instrumen pertama adalah menerusi borang soal selidik yang melibatkan 50 orang responden manakala instrumen kedua pula ialah ujian bertulis yang disertai oleh 25 orang responden dari kelompok yang setara. Data

kuantitatif dianalisis menggunakan perisian statistik '*Statistic Package for the Social Science*' (SPSS). Bagi data kualitatif pula penyelidik merumuskan dapatan kajian berpandukan pendapat,kekerapan dan peratusan. Penjelasan yang lebih terperinci diperhalusi dalam perbincangan khusus metodologi kajian dalam bab 3.

1.8 Rangka kajian;

Penyelidik membahagikan perbincangan disertasi ini kepada lima bab. Setiap bab berkenaan disusuli dengan perincian subtajuk yang berkaitan dengan tajuk di bawah bab berkenaan. Berikut adalah penerangan kepada rangka kajian disertasi ini.

1.7.1 BAB 1 : Pengenalan

Bab ini meliputi perkara-perkara asas yang menjadi teras kepada perbincangan tajuk kajian. Ia merangkumi subtajuk seperti latar belakang kajian, penyata masalah, objektif kajian, soalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian serta rangka kajian.

1.7.2 BAB 2 : Kajian Berkaitan

Dalam bab kedua ini, penyelidik membentang latar belakang sejarah berkenaan dengan ilmu nahu iaitu tatabahasa Arab yang menjadi fokus kajian lapangan ini dalam bidang linguistik terapan. Selain itu, penyelidik juga merujuk kepada kajian-kajian lepas dalam bidang nahu dan sorf yang berkaitan dengan landasan kajian ini. Dalam bab ini juga penyelidik memperincikan perbincangan tentang skop tajuk kajian yang

iaitu kata kerja (الْفِعْلُ) dan al-Mabniyy Li al-Majhu:l (الْمَبْنِيُّ لِلْمَجْهُولِ). Seterusnya penyelidik mengemukakan subtajuk yang membentangkan perbincangan khusus berkenaan dengan perihal kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l dalam perspektif ilmu tatabahasa Arab sebagaimana yang dibicarakan di dalam kitab-kitab nahu dan sorf bahasa Arab.

1.7.3 BAB 3 : Metodologi Kajian

Bab ketiga ini merupakan bahagian yang paling penting dalam menentukan keberkesanan serta kesahihan dapatan serta data yang dikumpul dan kemampuan kajian ini mencapai objektif yang disasarkan. Dalam bab ini penyelidik menggariskan rekabentuk kajian, instrumen kajian serta pemilihan responden yang menepati kriteria yang dapat memberikan input data yang berkesan terhadap kajian ini. Penyelidik juga memaparkan bentuk instrumen soal selidik dan ujian bertulis yang dilaksanakan ke atas sekumpulan responden bagi mendapatkan data samaada dalam bentuk data kuantitatif serta kualitatif yang dihuraikan dan dianalisis secara deskriptif dalam bab seterusnya. Penyelidik juga sentiasa berpandukan kepada nilai serta etika kajian dalam menjalankan penyelidikan ini.

1.7.4 BAB 4: Analisis dan Dapatan Kajian

Bab keempat pula menghuraikan data serta dapatan kajian yang diperolehi daripada instrumen kajian yang dilaksanakan. Penyelidik membuat rumusan dan analisis terhadap maklumat yang diperolehi melalui instrumen soal selidik dengan menggunakan kemudahan perisian statistik iaitu *Statistic Package for the Social*

Science (SPSS) untuk membuat analisis samada dalam bentuk frekuensi, peratus ataupun min. Manakala bahagian respon terbuka daripada borang soal selidik yang berkaitan dengan pendapat dan pengalaman pelajar adalah dalam bentuk data kualitatif.

Bagi dapatan daripada instrumen ujian bertulis yang dijalankan pula, penyelidik membuat rumusan melalui semakan terhadap respon jawapan responden yang diperolehi, dengan perincian dalam bentuk jadual, carta pai dan histogram serta huraian yang mudah difahami. Dapatan daripada semua instrumen kajian yang dijalankan ini samada dalam bentuk kuantitatif atau kualitatif akan menjelaskan hasil kajian yang diperolehi bagi menepati objektif kajian yang digariskan.

1.7.5 BAB 5: Rumusan dan Cadangan

Pada bahagian akhir kajian ini, penyelidik membantangkan rumusan dari hasil kajian ini serta membuat kesimpulan terhadap yang aspek yang difokuskan dalam bahagian persoalan kajian dan objektifnya. Selain itu, Penyelidik juga memaparkan cadangan yang diutarakan oleh pihak pelajar serta saranan dari rumusan penyelidik sendiri bagi membantu memeningkatkan lagi pengetahuan pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab khususnya bagi tajuk kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l ini.

1.9 Penutup

Menerusi maklumat yang dimuatkan dalam bab 1 ini, penyelidik memaparkan deskripsi utama kajian ini bagi menggambarkan maksud tajuk yang diperincikan melalui kajian ini, tujuan kajian, bentuk kajian serta kaedahnya. Daripada gambaran awal menerusi bab ini, penyelidik membawa kepada perbincangan yang lebih terperinci melalui pecahan sub tajuk yang berkenaan dengan tajuk kajian dalam bab seterusnya. Perbincangan dalam kajian ini menjurus kepada pemahaman pelajar tentang kaedah asas kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l serta penguasaan mereka terhadap kemahiran membina struktur ayat dengan menerapkan penggunaan kata kerja ini merentasi konsep nahuan yang berkaitan dengannya.

Penyelidik berharap agar kajian ini dapat menyumbang ke arah perkembangan ilmu pengetahuan serta penambahbaikan dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran khususnya bagi mata pelajaran bahasa Arab. Mudah-mudahan ia juga memberi manfaat kepada pihak yang terlibat dalam menyampaikan pengajaran bahasa Arab.